

Pahang perlu cari tapak baharu

Pekan: Kerajaan Pahang disarankan mencari tapak ganti bagi pembinaan Kemudahan Tapak Pelupusan Kekal (PDF) sisa pemprosesan nadir bumi dari kilang Lynas Corporation Ltd. (Lynas) di Gebeng dekat sini, selepas Kabinet kelmarin memutuskan kontraknya disambung enam bulan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi membuat perancangan berhubung tapak baharu itu.

"Kita tidak ada dengar lagi kawasan mana akan dijadikan tapak, tetapi kerajaan negeri bersetuju mencari tapak sesuai. Dalam tempoh enam bulan ini, kerajaan negeri akan mengenal pasti tanah, kemudian dibawa ke peringkat Persekutuan untuk dipersetujui.

"Kita akan bekerjasama dengan kerajaan negeri membuat semakan (tapak PDF)," katanya selepas majlis penyampaian hadiah acara memanah Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang di sini, semalam.

Zuraida berkata, beliau mengikut keputusan diputuskan Kabinet menyambung kontrak Lynas yang tamat pada 2 September depan.

"Ini keputusan Kabinet yang dibincang dan dipersetujui. Saya adalah ahli Kabinet, jadi saya perlu ikut keputusan diputuskan Kabinet.



Zuraida beramah mesra dengan peserta ketika hadir acara memanah Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang di Pekan, semalam. (Foto BERNAMA)

"Kerajaan negeri akan mencadangkan tapak dan Kerajaan Pusat akan membuat semakan sama ada sesuai atau tidak. Ia perlu mengikut garis panduan standard seperti berapa jauh dari penduduk dan kawasan perumahan," katanya.

Sementara itu, Zuraida berkata, lawatan kerjanya ke Pahang juga bagi melihat pembangunan akan dilaksanakan khususnya di Pekan, memandangkan terdapat permintaan

untuk pembinaan pasar baharu dan hentian bas.

"Kita sudah mengenal pasti tapak di Ketapang, namun Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah meminta dua projek terbabit dilakukan di atas tanah bersebelahan Hospital Pekan.

"Kita lihat tidak ada masalah, cuma tanah di kawasan itu agak rendah dan perlu ditambah. Jadi, ia akan membolehkan tambahan kos," katanya.

Beliau berkata, pembangu-

nan dua projek terbabit membatik kos kira-kira RM16 juta dan tambahan RM1 juta bagi menaik taraf gerai dalam bandar.

"Kita belum dapat surat perkenan daripada baginda untuk tanah terbabit dimajukan, malah kita juga ada satu lagi projek perumahan rakyat di sini atas permintaan Tuanku dan projek itu sedang diteliti Setiausaha Kerajaan Negeri. Beberapa lagi projek akan dibuat, cuma belum ada perincian," katanya.